

02/11/2001

TPM arah pantau prestasi bina projek

Zulkofli Jamaludin

PUTRAJAYA, Khamis - Semua jabatan dan agensi kerajaan diarah menjadikan pemantauan prestasi pelaksanaan program pembangunan sebagai agenda mesyuarat mingguan kakitangan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, langkah itu perlu dilaksanakan segera bertujuan memastikan semua peruntukan, termasuk pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan baru-baru ini dilaksanakan mengikut jadual.

Katanya, jabatan yang jarang mengadakan mesyuarat kakitangan pula perlu menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk memantau prestasi pelaksanaan.

"Pemantauan prestasi ini dapat membantu projek dilaksanakan dengan cekap dan kita mahu peruntukan yang disediakan dibelanjakan sampai habis kerana ia bukan untuk disimpan.

"Apabila kontraktor menyiapkan kerja, wang pembayaran perlu dijelaskan segera bagi membolehkan mereka membeli bahan binaan untuk menyiapkan pembinaan di fasa berikutnya," katanya berucap pada Hari Kualiti Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 25 September lalu, mengumumkan pakej rangsangan baru membabitkan peruntukan tambahan RM4.3 bilion bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal pada paras positif berikutan ekonomi dunia yang tidak menentu kesan serangan di Amerika Syarikat (AS).

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan peruntukan tambahan itu mencapai matlamat untuk merangsang ekonomi ia akan dibelanjakan sepanjang tempoh tiga bulan terakhir tahun ini.

Sempena hari kualiti itu, Abdullah menyampaikan anugerah kepada pemenang Anugerah Menteri Dalam Negeri Untuk Inovasi, Keceriaan Pejabat, Kerja Berkumpulan, Piagam Pelanggan dan Perkhidmatan Kaunter.

Turut hadir Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Zainal Abidin Zin dan Datuk Chor Chee Heung serta Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Aseh Che Mat.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, jabatan kerajaan juga perlu memantau prestasi kontraktor yang melaksanakan projek supaya menepati mutu dan masa yang ditetapkan.

"Jika kontraktor tepati masa, kita juga perlu menepatinya bagi mengelak ada andaian tidak sihat terhadap jabatan kerajaan," katanya.

Beliau berkata, sebagai agensi yang berdamping terus dengan pelanggan, semua jabatan di KDN perlu mempamerkan prestasi yang cekap dan kemas serta mesra rakyat.

"Hakim terbesar kepada jabatan di kementerian ialah pelanggan, rakyat dan pelancong asing yang melawat Malaysia.

"Sebagai hakim pandangan mereka cukup kritis. Mereka mempunyai pelbagai fiil, cerewet, terlalu berhati-hati dan terlalu meminta. Bukan senang hendak memberi khidmat kepada pelanggan seperti ini," katanya.

Sambil melahirkan rasa gembira kerana jumlah aduan terhadap jabatan sudah berkurang, beliau meminta warga kementerian itu terus menepati dasar dan peraturan yang ditetapkan.

Serentak itu, beliau mahu pegawai yang menguatkuasakan undang-undang tidak mengamalkan sikap berbeza kerana ia boleh menyebabkan berlaku diskriminasi sehingga boleh digunakan pihak tertentu.

"Pegawai dan kakitangan perlu menambah pengetahuan dan prihatin terhadap apa yang berlaku. Kita juga perlu mendapat reaksi orang ramai mengenai perkara yang dilaksanakan kerajaan," katanya.

(END)

